

511:  
MAHATHIR

1975

SLIM RIVER, 20 OKT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, LEBIH RAMAI PENUNTUT SAINS DAN HISAB DIPERLUKAN UNTUK MENJAMIN SUPAYA KEKOSONGAN PERKHIDMATAN PERGURUAN, TERUTAMA GURU SAINS DAN HISAB, TIDAK BERPANJANGAN.

NEGARA MENGHADAPI KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR SAINS DAN HISAB BUKAN SAJA DI PERINGKAT UNIVERSITI MALAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH.

BELIAU BERHARAP DENGAN PENEKANAN YANG KUAT TERHADAP MATA PELAJARAN SAINS DAN HISAB, KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR MATA PELAJARAN ITU, TERUTAMA DI KAWASAN LUARBANDAR DAPAT DIATASI.

DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN EXPO SAINS-HISAB BAGI SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN KUMPULAN SLIM RIVER DI SEKOLAH KEBANGSAAN SLIM RIVER DISINI HARI INI.

BELIAU BAGAIMANAPUN MEMBERITAHU, PIHAK KEMENTERIAN SUKAR UNTUK Mencari CALUN-CALUN YANG LAYAK MENJADI GURU SAINS DAN HISAB, KERANA KEBANYAKAN PELAJAR SAINS LEBIH CENDERONG BERTUGAS DI FIRMA-FIRMA DAN BADAN SWASTA DARIPADA MENJADI GURU. -- BERSAMBUNG 1140/S

512:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, 10 BUAH LAGI SEKOLAH MENENGAH SAINS - TUJUH DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN TIGA DI SABAH DAN SARAWAK - AKAN DIBINA.

DISAMPING ITU, INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN UNIVERSITI - UNIVERSITI TELAH MULA MENGADAKAN KURSUS AWALAN BAGI PELAJAR SAINS DAN HISAB, UNTUK MENGGALAKKAN PARA PELAJAR MENGIKUTI JURUSAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR BERHARAP IBUBAPA DAN JUGA GURU-GURU MENGGALAKKAN KANAK-KANAK CENDERONG KEPADA MATAPELAJARAN SAINS DAN HISAB UNTUK MENGISI TEMPAT-TEMPAT YANG DISEDIAKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN JUGA UNIVERSITI-UNIVERSITI. -- BERNAMA 1142/SZ

561:  
MAHATHIR 3 SLIM RIVER (SAMBUNGAN BERITA 512)

DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA CALUN-CALUN PEPERIKSAAN STP/HSC BAGI KAWASAN TANJUNG MALIM/SLIM RIVER BOLEH MENGAMBIL PEPERIKSAAN TERSEBUT DI SALAH SEBUAH PUSAT YANG AKAN DIADAKAN DI KAWASAN INI.

PADA MULANYA KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENETAPKAN PUSAT PEPERIKSAAN MEREKA DI TELUK ANSON DAN TIDAK LAGI DI TANJUNG MALIM SEPERTI DI MASA-MASA LEPAS.

OLEH SEBAB SUNGUTAN ORANGRAMAI, KEMENTERIAN PELAJARAN BERCADANG MENGADAKAN PUSAT PEPERIKSAAN SAMADA DI TANJUNG MALIM ATAU SLIM RIVER. TEMPATNYA AKAN DITETAPKAN KELAK.

BAGAIMANAPUN, ANGKA-ANGKA GILIRAN PEPERIKSAAN CALUN-CALUN DARI KAWASAN ITU TETAP TIDAK BERUBAH MENGIKUT ANGKA GILIRAN DI PUSAT PEMERIKSAAN DI TELUK ANSON.

-BERNAMA HM 1547